

# SIARAN AKHBAR



Bahagian Hal Ehwal Awam dan  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
Lembaga Tabung Haji  
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,  
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur  
Tel : 03 2054 2132  
Faks : 03 2164 0436  
Email : bkk@tth.gov.my

Tabung Haji Contact Centre  
Tel : 03 6207 1919  
Faks : 03 7728 4959

[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

## TABUNG HAJI SERAH ZAKAT PERNIAGAAN TH 2012 KEPADA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

**Johor Bahru, 19 April 2013** – Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini menyerahkan zakat perniagaannya kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor berjumlah RM3,700,181.43.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Johor telah berkenan menerima zakat tersebut bagi pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor yang telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Paduka Ismee Ismail, Pengarah Urusan Kumpulan Dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH** bertempat di Istana Pasir Pelangi, Johor Bahru, Johor.

Pengagihan zakat **TH** ini adalah sebahagian daripada perolehan keuntungan pendapatan yang dicatatkan oleh **TH** untuk tahun kewangan 2012. Jumlah zakat untuk Negeri Johor bagi tahun 2012 ini telah meningkat sebanyak 6.4% berbanding RM3,478,208.36 bagi tahun 2011.

Pembayaran zakat **TH** adalah berdasarkan kaedah modal kerja terlaras yang dilaksanakan mengikut pengiraan tahun kewangan semasa. Jumlah keseluruhan zakat perniagaan **TH** untuk tahun kewangan 2012 yang dibayar kepada negeri-negeri di Malaysia adalah sebanyak RM41.2 juta. Negeri Johor merupakan antara negeri yang tertinggi menerima jumlah zakat bagi tahun kewangan berkenaan.

Dalam majlis yang sama juga, pihak **TH** telah menyampaikan sumbangan Projek Baiti **TH** berjumlah RM350,000.00 bagi pembinaan 10 unit rumah baharu untuk golongan asnaf fakir miskin yang terpilih daripada seluruh Negeri Johor.

Projek Baiti **TH** ini merupakan salah satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat **TH**. Projek ini juga adalah merupakan sebahagian daripada agihan zakat perniagaan **TH** untuk pembinaan atau penambahbaikan rumah bagi golongan asnaf fakir miskin dan surau atau masjid. Selain Negeri Johor, Projek Baiti **TH** ini juga telah dilaksanakan di enam (6) buah negeri yang lain iaitu Kedah, Perak, Terengganu, Pahang, Kelantan dan Wilayah Persekutuan. **TH** telah memperuntukan sumbangan berjumlah RM2.52 juta untuk melaksanakan Projek Baiti **TH** untuk tahun 2012.

Turut hadir menyaksikan majlis tersebut adalah YB. Dato' Haji Zainal Abidin Bin Haji Osman, Pengerusi, Majlis Agama Islam Negeri Johor, YBhg. Dato' Haji Abd. Razak Bin Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam Negeri Johor, YB. Dato' Haji Nooh Bin Gadot, Penasihat, Majlis Agama Islam Negeri Johor, Sohibus Samahah Dato' Haji M. Tahrir Bin Dato' Kiyai Haji Samsudin, Mufti Negeri Johor, Tuan Haji Mohd Noh Bin Ibrahim, Setiausaha, Majlis Agama Islam Negeri Johor serta para pegawai **TH**.

- Tamat -

---

## Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam operasi pengurusan Haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah perladangan, hartanah, pembinaan, perbankan, teknologi maklumat, minyak & gas asli, pelancongan, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 119 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.

*Untuk keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:*

<p><b>Hasri Hamidan</b> Pengurus Perhubungan Media Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan Tabung Haji 201 Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2125 Tel. Bimbit: 012 2444 117 Faks: 03 2164 0436 Email: hasri@lth.gov.my</p>	<p><b>Anis Zuhani Ahmad</b> Pengurus Besar Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan Tabung Haji 201 Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2132 Tel. Bimbit: 019 313 2972 Faks: 03 2164 0436 Email: anisz@lth.gov.my</p>
--	--